BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Amalan Berhemat dan Profesional oleh Penasihat Kewangan

Terpakai pada:
1. Penasihat kewangan yang diluluskan
2. Penasihat kewangan Islam yang diluluskan

Diterbitkan pada: 26 April 2022 BNM/RH/PD 029-51

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A

GAMBARAN KESELURUHAN 3

1 Pengenalan 3
2 Kebolehgunaan 3
3 Peruntukan undang-undang 3
4 Tarikh kuat kuasa 4
5 Tafsiran 4
6 Instrumen undang-undang dan dokumen dasar yang berkaitan 6
7 Dokumen dasar yang digantikan 6

BAHAGIAN B

KEHENDAK DASAR 6

8 Bentuk penubuhan 6
9 Kehendak dana modal 6
10 Tanggung rugi profesional 6
11 Pelantikan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan 6
12 Kehendak amalan perniagaan 8
13 Aktiviti perniagaan lain yang dibenarkan 9
14 Kehendak mengekalkan profesionalisme wakil penasihat kewangan 9
15 Penerbitan penyata kewangan 12
16 Pemberitahuan 13

LAMPIRAN I Skor Minimum dan Peratusan setiap KPI dalam BSC 14

LAMPIRAN II Templat untuk Mengemukakan Laporan BSC 15

BAHAGIAN A GAMBARAN KESELURUHAN

1 Pengenalan

1.1 Dalam menjalankan perniagaan khidmat nasihat kewangan atau perniagaan khidmat nasihat kewangan Islam, penasihat kewangan yang diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dikehendaki memberikan khidmat nasihat dan saranan bebas yang akan memberikan kesan yang ketara terhadap kesejahteraan kewangan jangka panjang pengguna kewangan. Oleh itu, penasihat kewangan yang diluluskan perlu menguruskan perniagaan dan amalannya dengan cara yang adil, saksama dan profesional untuk memupuk kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan pengguna kewangan.

1.2 Dokumen Dasar ini menyatakan kehendak yang perlu dipatuhi secara berterusan oleh penasihat kewangan yang diluluskan.

2 Kebolehgunaan

2.1 Dokumen dasar ini terpakai kepada penasihat kewangan yang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 5.2.

3 Peruntukan undang-undang

3.1 Kehendak dalam dokumen dasar ini ditentukan menurut peruntukan yang berikut –

Bil.	Peruntukan	Seksyen	
		APK	APKI
(a)	Amaun minimum insurans atau takaful tanggung rugi profesional	11(3)	
(b)	Kehendak dana modal minimum atau lebihan aset berbanding liabiliti	12(1), 12(4)	
(c)	Aktiviti perniagaan lain yang dibenarkan	14(1)	15(1)
(d)	Bentuk penubuhan	24(2)(b)	21(2)(b)
(e)	Pemberitahuan penubuhan atau penempatan semula pejabat	25(2)	22(2)
(f)	Kuasa Bank untuk menentukan standard perkara berhemat	47(1)	57(1)
(g)	Pemberitahuan pelantikan/pelantikan semula Pengerusi, Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif atau Wakil Penasihat Kewangan (Financial Adviser's Representative, FAR)	54(4)	63(4)
(h)	Kehendak FAR	60(1)	69(1)

(i)	Pemberitahuan pemberhentian daripada jawatan	62	71
(j)	Pemberitahuan pelantikan juruaudit	67(3)	76(3)
(k)	Pemberitahuan pemberhentian juruaudit	70	79
(l)	Kuasa Bank untuk menentukan standard amalan perniagaan	123(1)	135(1)
(m)	Pengemukaan dokumen atau maklumat kepada Bank	143(2)	155(2)

3.2 Jadual di atas mencerminkan perenggan khusus yang di bawahnya kehendak berkaitan dibuat. Bagi mengelakkan keraguan, kehendak tertentu dalam dokumen dasar ini dibuat menurut lebih daripada satu peruntukan APK atau APKI.

3.3 Panduan dalam dokumen dasar ini dikeluarkan menurut seksyen 266 APK dan seksyen 277 APKI.

Dokumen dasar ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu untuk tujuan rujukan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi dokumen dasar ini dalam Bahasa Inggeris dan versi terjemahan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

4 Tarikh kuat kuasa

4.1 Dokumen dasar ini berkuat kuasa pada 26 April 2022.

5 Tafsiran

5.1 Terma dan ungkapan yang digunakan dalam dokumen dasar ini hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam APK atau APKI, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika ditakrifkan selainnya dalam dokumen dasar ini.

5.2 Bagi maksud dokumen dasar ini –

"**S**" menandakan standard, obligasi, kehendak, spesifikasi, arahan, syarat dan apa-apa peruntukan tafsiran, tambahan, dan peralihan yang perlu dipatuhi. Ketidakpatuhan boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan;

"**G**" menandakan panduan yang mungkin mengandungi pernyataan atau maklumat yang bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang sama dan nasihat atau saranan yang digalakkan untuk diterima pakai;

"**penasihat kewangan yang diluluskan**" secara kolektif merujuk penasihat kewangan yang diluluskan di bawah APK dan penasihat kewangan Islam yang diluluskan di bawah APKI, melainkan dinyatakan sebaliknya;

"**wakil penasihat kewangan**" **atau "FAR**" secara kolektif merujuk wakil penasihat kewangan yang diluluskan dan wakil penasihat kewangan Islam yang diluluskan, melainkan dinyatakan sebaliknya;

"pengurusan kanan" merujuk Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan bagi penasihat kewangan yang diluluskan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam APK dan APKI.

6 Instrumen undang-undang dan dokumen dasar yang berkaitan

6.1 Dokumen dasar ini perlu dibaca berserta dengan instrumen undang-undang lain dan dokumen dasar berkaitan yang telah dikeluarkan oleh Bank, khususnya –

(a) Dokumen Dasar tentang Tatacara Permohonan untuk Menjalankan Perniagaan Khidmat Nasihat Kewangan dan Perniagaan Khidmat Nasihat Kewangan Islam yang dikeluarkan pada 26 April 2022;
(b) Dokumen Dasar tentang Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan yang dikeluarkan pada 6 November 2019;
(c) Dokumen Dasar tentang Shareholder Suitability - Notification and Application Procedures yang dikeluarkan pada 3 Jun 2019;
(d) Dokumen Dasar tentang Fit and Proper Criteria for Approved Person yang dikeluarkan pada 24 Disember 2018;
(e) Dokumen Dasar tentang Prohibited Business Conduct yang dikeluarkan pada 15 Julai 2016; dan
(f) Garis Panduan tentang Proper Advice Practices for Life Insurance/Family Takaful Business yang dikeluarkan pada 17 Ogos 2012.

7 Dokumen dasar digantikan

7.1 Dokumen dasar ini menggantikan Garis Panduan tentang Application for Financial Adviser's Licence di bawah Akta Insurans 1996 yang dikeluarkan pada 18 September 2007.

BAHAGIAN B KEHENDAK DASAR

8 Bentuk penubuhan

S 8.1 Penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016.

9 Kehendak dana modal

S 9.1 Bagi maksud seksyen 12(1) dan 12(2) dalam APK dan APKI, dana modal minimum pemohon dan penasihat kewangan yang diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah RM50,000[1] yang terdiri daripada jumlah keseluruhan –

(a) saham biasa berbayar;
(b) rizab;
(c) keuntungan tertahan atau kerugian terkumpul; dan
(d) keuntungan diaudit bagi tempoh itu, atau kerugian diaudit dan tidak diaudit bagi tempoh itu,

ditolak pinjaman, pendahuluan dan pelaburan yang diberikan kepada pemegang saham, pengarah atau pihak lain yang berkaitan.

10 Tanggung rugi profesional (*professional indemnity*, PI)

S 10.1 Penasihat kewangan yang diluluskan mestilah mengekalkan perlindungan insurans atau takaful PI dengan had minimum tanggung rugi sekurang-kurangnya RM200,000 selepas ditolak deduktibel bagi mana-mana satu tuntutan pada setiap masa.

S 10.2 Walau apa pun had minimum perlindungan insurans atau takaful PI yang ditentukan dalam perenggan 10.1, Lembaga Pengarah penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah memastikan amaun dan skop perlindungan insurans atau takaful PI adalah setara dengan jumlah (contohnya berdasarkan hasil atau premium atau caruman yang diurusniagakan), ciri dan risiko perniagaan penasihat kewangan yang diluluskan pada setiap masa.

11 Pelantikan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan

S 11.1 Penasihat kewangan yang diluluskan perlu melantik sekurang-kurangnya dua (2) pengarah dan salah seorang pengarahnya hendaklah FAR yang dilantik.

---

[1] Berdasarkan Perintah *Warta* berikut:

(a) Perintah Perkhidmatan Kewangan (Amaun Minimum Dana Modal) (Orang yang Diluluskan) 2013 [P.U.(A) 204/2013] (sebagaimana yang dipinda melalui Perintah Perkhidmatan Kewangan (Amaun Minimum Dana Modal) (Orang yang Diluluskan) (Pindaan) 2014 [P.U.(A) 355/2014]); dan
(b) Perintah Perkhidmatan Kewangan (Amaun Minimum Dana Modal) (Orang yang Diluluskan) 2013 [P.U.(A) 210/2013] (sebagaimana yang dipinda melalui Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Amaun Minimum Dana Modal) (Orang yang Diluluskan) (Pindaan) 2014 [P.U.(A) 356/2014]).

S 11.2 Pengarah tidak boleh hilang kelayakan di bawah seksyen 59(1) APK atau seksyen 68(1) APKI, dan hendaklah telah dinilai oleh penasihat kewangan yang diluluskan sebagai telah mematuhi Dokumen Dasar tentang Fit and Proper Criteria for Approved Person.

S 11.3 Penasihat kewangan yang diluluskan mestilah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang menumpukan sepenuh masa profesionalnya pada perkhidmatan penasihat kewangan yang diluluskan dan menetap di Malaysia melainkan Bank meluluskan sebaliknya secara bertulis.

Lembaga Pengarah

S 11.4 Lembaga Pengarah perlu mewujudkan satu piagam lembaga pengarah yang menetapkan mandat, tanggungjawab dan tatacara Lembaga Pengarah yang setara dengan saiz dan risiko perniagaan penasihat kewangan yang diluluskan, termasuk perkara yang dikhususkan untuk keputusan Lembaga Pengarah.

S 11.5 Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk menggalakkan pertumbuhan yang mampan dan kekukuhan kewangan bagi penasihat kewangan yang diluluskan serta untuk memastikan standard urus niaga adil yang munasabah, tanpa pengaruh tidak wajar daripada mana-mana pihak. Bagi memenuhi peranan ini, Lembaga Pengarah hendaklah –

(a) memantau pelaksanaan rangka kerja tadbir urus dan kawalan dalaman penasihat kewangan yang diluluskan untuk memastikan pematuhan pada dokumen dasar ini dan kehendak lain yang berkenaan yang ditentukan oleh Bank, dan menyemak secara berkala sama ada pelaksanaan sedemikian kekal wajar dengan mengambil kira, antara lain, perubahan penting profil pelanggan penasihat kewangan yang diluluskan, pilihan produk dan persekitaran luaran yang boleh menjejaskan kualiti khidmat nasihat yang diberikan kepada pengguna;

(b) memantau pematuhan pada mana-mana undang-undang lain yang terpakai kepada penasihat kewangan yang diluluskan; dan

(c) bersama-sama dengan pengurusan kanan, menggalakkan budaya korporat yang mantap dalam kalangan penasihat kewangan yang diluluskan yang memperkukuh sikap beretika, berhemat dan profesional serta memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap kepentingan pelanggan.

S 11.6 Tanggungjawab Lembaga Pengarah yang digariskan dalam dokumen dasar ini hendaklah dibaca berserta dengan seksyen 56 APK dan seksyen 65 APKI, apa-apa kehendak lain yang terpakai dalam APK dan APKI dan dokumen dasar lain yang berkaitan.

Pengurusan kanan

S 11.7 Penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah memastikan pengurusan kanannya bertanggungjawab untuk memastikan perkara yang berikut:

(a) dasar dan tatacara yang berkesan diwujudkan dan dilaksanakan untuk, antara lain, bidang-bidang yang berikut:

(i) pengurusan risiko dan kawalan yang sewajarnya untuk menguruskan dan memantau risiko, contohnya memiliki kawalan

yang berkesan yang disediakan untuk menguruskan isu konflik kepentingan, amalan semua kakitangan dan pengendalian wang pelanggan; dan

(ii) pelaporan atau pengemukaan isu yang mencukupi dan tepat pada masanya kepada Lembaga Pengarah;

(b) proses membuat keputusan memberikan pertimbangan yang mencukupi terhadap kepentingan pelanggan; dan

(c) penilaian yang mantap dijalankan untuk meluluskan apa-apa sisihan daripada dasar dan tatacara. Sisihan yang ketara perlu dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

S 11.8 Penasihat kewangan yang diluluskan perlu memastikan pengurusan kanannya terdiri daripada individu yang memiliki set kemahiran dan pengalaman yang sewajarnya untuk menyokong dan menguruskan perniagaan khidmat nasihat kewangan atau perniagaan khidmat nasihat kewangan Islam, mengikut mana-mana yang berkenaan.

12 Kehendak amalan perniagaan

S 12.1 Penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah menyediakan pilihan produk yang sesuai untuk memenuhi keperluan pelanggan daripada sekurang-kurangnya tiga (3) syarikat penanggung insurans berlesen atau pengendali takaful berlesen yang berbeza bagi setiap kelas perniagaan insurans atau takaful.

S 12.2 Sekiranya terdapat kurang daripada tiga (3) pilihan atau tiada pilihan produk yang sesuai untuk memenuhi keperluan pelanggan, penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah memaklumkan dan menjelaskan had tersebut kepada pelanggan dengan sewajarnya, selaras dengan kehendak dalam Garis Panduan tentang Proper Advice Practices for Life Insurance/Family Takaful Business. Penasihat kewangan yang diluluskan perlu mendapatkan persetujuan pelanggan sebelum meneruskan perbandingan dan saranan berdasarkan pilihan produk yang terhad itu. Penasihat kewangan yang diluluskan dilarang menyarankan pembelian mana-mana produk insurans atau takaful lain bagi tujuan untuk mendapatkan jualan semata-mata.

S 12.3 Penasihat kewangan yang diluluskan dilarang menggunakan perkataan “penasihat kewangan bebas” atau “penasihat kewangan Islam bebas” tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Bank.

G 12.4 Semasa menilai dan meluluskan permohonan penasihat kewangan yang diluluskan untuk menggunakan perkataan “bebas”, Bank boleh mengambil kira faktor seperti sama ada penasihat kewangan yang diluluskan menerima apa-apa komisen atau apa-apa manfaat lain daripada syarikat penanggung insurans berlesen atau pengendali takaful berlesen yang boleh mewujudkan bias produk, serta sama ada penasihat kewangan yang diluluskan beroperasi tanpa apa-apa konflik kepentingan yang wujud melalui apa-apa hubungan dengan, atau perkaitan dengan mana-mana syarikat penanggung insurans berlesen atau pengendali takaful berlesen.

13 Aktiviti perniagaan lain yang dibenarkan

S 13.1 Selain perniagaan khidmat nasihat kewangan yang diluluskan atau perniagaan khidmat nasihat kewangan Islam yang diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, penasihat kewangan yang diluluskan dibenarkan untuk menjalankan sebarang aktiviti yang dikawal selia di bawah Jadual 2, Bahagian 1 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Capital Market and Services Act 2007, CMSA), iaitu aktiviti yang dilesenkan kepada penasihat kewangan yang diluluskan di bawah CMSA.

G 13.2 Penasihat kewangan yang diluluskan juga dibenarkan untuk menganalisis, menyarankan, mendapatkan atau mengatur kontrak berkenaan dengan produk dan perkhidmatan perbankan atau perbankan Islam.

14 Kehendak Mengekalkan Profesionalisme FAR

S 14.1 Penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah memastikan perniagaan khidmat nasihat kewangan atau perniagaan khidmat nasihat kewangan Islam yang dimilikinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hanya dijalankan oleh FAR yang dilantik mengikut perenggan 14.2, 14.3 dan 14.4.

Kriteria

S 14.2 Penasihat kewangan yang diluluskan hanya boleh melantik FAR yang memenuhi kriteria yang berikut –

(a) berumur sekurang-kurangnya 21 tahun;
(b) pemastautin di Malaysia;
(c) memiliki kelayakan yang dikhususkan dalam perenggan 14.3 atau perenggan 14.4, mengikut mana-mana yang berkenaan;
(d) dilantik secara sepenuh masa; dan
(e) orang yang layak dan sesuai bagi maksud *dokumen dasar mengenai Fit and Proper Criteria for Approved Person.*

Kelayakan

S 14.3 Penasihat kewangan yang diluluskan yang menjalankan perniagaan khidmat nasihat kewangan hendaklah hanya melantik FAR yang mempunyai kelayakan berikut –

Kelayakan	Bidang Pengetahuan Wajib
Registered Financial Planner yang ditawarkan oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC); atau Certified Financial Planner yang ditawarkan oleh Financial Planning Association of Malaysia (FPAM)	1. Asas Perancangan Kewangan 2. Pengurusan Risiko 3. Perancangan Insurans 4. Perancangan Pelaburan

S 14.4 Penasihat kewangan yang diluluskan yang menjalankan perniagaan khidmat nasihat kewangan Islam hanya boleh melantik FAR dengan kelayakan yang berikut –

Kelayakan	Bidang Pengetahuan Wajib
Shariah Registered Financial Planner yang ditawarkan oleh MFPC; atau Islamic Financial Planner yang ditawarkan oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia dan FPAM.	1. Asas Perancangan Kewangan Islam 2. Pengurusan Risiko 3. Perancangan Takaful 4. Perancangan Pelaburan Syariah

G 14.5 Walau apa pun yang ditetapkan dalam perenggan 14.3 dan 14.4, penasihat kewangan yang diluluskan boleh melantik FAR dengan kelayakan yang setara daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh MFPC dan FPAM.

Pembangunan Profesional Berterusan (Continuous Professional Development, CPD)

S 14.6 Penasihat kewangan yang diluluskan mestilah memastikan FAR yang dilantik menghadiri sekurang-kurangnya 20 jam program CPD setiap tahun. Penasihat kewangan yang diluluskan perlu merujuk MFPC dan FPAM mengenai jenis kursus yang layak bagi jumlah jam CPD dan kursus itu hendaklah merangkumi kursus teknikal dan kursus bukan teknikal yang berkaitan.

Rangka Kerja Kad Skor Seimbang (Balanced Scorecard, BSC)

S 14.7 Bagi mempertingkatkan profesionalisme FAR yang dilantik, Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah –

(a) membangunkan dan meluluskan dasar imbuhan yang merangkumi parameter bagi pelaksanaan Rangka Kerja BSC;

(b) memastikan latihan dan sokongan yang disediakan untuk FAR yang dilantik[2] adalah mencukupi bagi memahami hasil utama dan pelaksanaan Rangka Kerja BSC;

(c) memastikan penilaian prestasi FAR yang dilantik dibuat berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators, KPI) Rangka Kerja BSC sekurang-kurangnya setiap tahun;

(d) memastikan penilaian kontrak atau kenaikan pangkat FAR yang dilantik dibuat berdasarkan prestasi di bawah Rangka Kerja BSC; dan

(e) memantau keberkesanan pelaksanaan Rangka Kerja BSC dan mengambil langkah pembetulan yang tepat pada masanya apabila diperlukan untuk menggalakkan objektif Rangka Kerja BSC.

S 14.8 Rangka Kerja BSC hanya terpakai bagi jualan produk dengan premium atau sumbangan tetap yang tertakluk pada Garis Panduan tentang Proper Advice Practices for Life Insurance/Family Takaful Business.

[2] Penasihat kewangan yang diluluskan boleh mengecualikan FAR yang baru dilantik daripada BSC dalam tempoh 2 tahun pertama pelantikan. Bagi FAR atau mantan ejen insurans atau ejen takaful yang dilantik semula oleh penasihat kewangan yang diluluskan yang lain, BSC hendaklah ditetapkan pada tahun kalendar seterusnya.

G 14.9 Sehubungan dengan perenggan 14.8, Rangka Kerja BSC tidak terpakai pada jualan produk yang secara amnya mempunyai risiko amalan sedia ada yang rendah disebabkan oleh sifat produk yang ringkas dan jangka pendek atau apabila berurus niaga dengan pemilik dasar induk yang lebih berkemahiran serta mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi, seperti –

(a) produk insurans hayat/takaful keluarga yang dijual melalui pemasaran langsung dan telepemasaran, termasuk yang dipasarkan menerusi internet dan perkhidmatan mel;
(b) produk kumpulan;
(c) produk perniagaan seperti insurans/takaful pihak utama (*key man*);
(d) produk terma ringkas yang dijual sebagai produk sampingan kepada pinjaman/pembiayaan, termasuk produk asurans/takaful bertempoh gadai janji berkurang;
(e) insurans/takaful perubatan dan kesihatan sendirian/individu;
(f) produk manfaat pekerja ringkas dan dipakejkan lebih awal yang dipasarkan di tempat kerja; dan
(g) tambahan (tambah nilai), pengecualian (pemotongan) dan perubahan pada produk berkuat kuasa yang sedia ada.

S 14.10 Peratusan komisen BSC yang kena dibayar oleh penasihat kewangan yang diluluskan kepada FAR yang dilantik hendaklah ditetapkan pada 25% daripada jumlah komisen yang kena dibayar.

G 14.11 Sehubungan dengan perenggan 14.10, Bank boleh meningkatkan kadar komisen BSC secara beransur-ansur.

S 14.12 Bagi tujuan pengiraan komisen BSC bagi FAR yang dilantik, penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah memberikan skor minimum dan wajaran setiap KPI mengikut jadual yang dilampirkan dalam **Lampiran I**.

S 14.13 Jika FAR yang dilantik tidak dapat memenuhi KPI yang ditentukan dalam **Lampiran I,** penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah menggunakan bahagian komisen BSC untuk latihan dan pembangunan selanjutnya bagi FAR yang dilantik yang tidak mencapai tahap prestasi yang ditetapkan.

S 14.14 Sehubungan dengan perenggan 14.13, penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah –

(a) tidak boleh menggunakan penjimatan daripada komisen kepada FAR yang dilantik yang tidak mencapai tahap prestasi yang ditetapkan untuk menampung peruntukan perbelanjaan latihan tahunan yang dirancang untuk semua FAR yang dilantik;
(b) tidak boleh menggunakan penjimatan daripada komisen untuk membayar bagi sebarang insentif dan ganjaran kepada FAR yang dilantik yang tidak mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
(c) merangka program latihan khusus untuk FAR yang dilantik yang tidak mencapai tahap prestasi yang ditetapkan untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran semasa mereka kepada tahap FAR yang dilantik yang mencapai prestasi yang ditetapkan, merangkumi perkara yang berikut:
    (i) memastikan kandungan kursus dibezakan dengan secukupnya daripada kursus latihan biasa yang dijalankan untuk semua FAR

yang dilantik bagi menangani bidang khusus untuk penambahbaikan; dan

(ii) menyemak secara berkala keberkesanan program latihan khusus ini berdasarkan maklum balas daripada FAR yang dilantik yang tidak mencapai tahap prestasi yang ditetapkan serta membuat perubahan yang sewajarnya untuk memenuhi keperluan yang berubah-ubah dan merapatkan jurang kecekapan;

(d) mendapatkan kelulusan Bank terlebih dahulu jika penasihat kewangan yang diluluskan ingin menggunakan sebarang penjimatan komisen bagi tujuan selain merangka dan menyampaikan program latihan khusus kepada FAR yang dilantik yang tidak mencapai prestasi yang ditetapkan; dan

(e) menggunakan sepenuhnya apa-apa penjimatan komisen yang tidak digunakan menjelang akhir suku pertama tahun kewangan berikutnya, melainkan dibenarkan sebaliknya secara bertulis oleh Bank.

S 14.15 Penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah menyerahkan kepada Bank laporan tahunan berkenaan prestasi FAR yang dilantik berdasarkan KPI Rangka Kerja BSC yang telah disemak oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan, serta maklumat berkenaan amaun komisen BSC yang kena dibayar kepada FAR yang dilantik pada **akhir bulan Mac tahun berikutnya** menggunakan templat dalam **Lampiran II** kepada:

Pengarah,
Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran,
Bank Negara Malaysia.

15 Penerbitan penyata kewangan

S 15.1 Bagi tujuan seksyen 66 APK dan seksyen 75 APKI, penyata kewangan penasihat kewangan yang diluluskan yang terkini serta diaudit hendaklah disediakan untuk diakses dan disemak oleh orang ramai, tanpa mengenakan apa-apa bayaran –

(a) di setiap cawangan penasihat kewangan yang diluluskan di Malaysia; atau

(b) melalui laman sesawang penasihat kewangan yang diluluskan dalam bentuk elektronik yang boleh diakses oleh umum.

16 Pemberitahuan

S 16.1 Penasihat kewangan yang diluluskan perlu memaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tarikh perubahan yang berikut:

(a) bagi tujuan seksyen 25(2) APK dan seksyen 22(2) APKI, penubuhan atau penempatan semula pejabat;

(b) bagi tujuan seksyen 54(4) APK dan seksyen 63(4) APKI, pelantikan, pelantikan semula, pemilihan atau pemilihan semula pengerusi, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau FAR yang dilantik;

(c) bagi tujuan seksyen 62 APK dan seksyen 71 APKI, pemberhentian daripada jawatan pengerusi, pengarah, ketua pegawai eksekutif, pegawai kanan atau FAR yang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, termasuk sebab pemberhentian itu;

(d) bagi tujuan seksyen 67(3) APK dan seksyen 76(3) APKI, pelantikan atau pelantikan semula juruaudit; dan

(e) bagi tujuan seksyen 70 APK dan seksyen 79 APKI, pemberhentian juruaudit, termasuk sebab pemberhentian itu.

LAMPIRAN I

SKOR MINIMUM DAN WAJARAN SETIAP KPI

	KPI	Skor Minimum	Peratusan
a	Bilangan pilihan produk yang sesuai disediakan untuk memenuhi keperluan pelanggan	Produk yang sesuai sekurang-kurangnya daripada tiga pembekal produk yang berbeza[3]	20%
b	Kadar pelengkapan pilihan pencarian fakta pelanggan (*customer fact finding,* CFF) 1 dan 2	80% dan ke atas	20%
c	Nisbah ketegaran tahun pertama	90% dan ke atas	20%
d	Nisbah ketegaran tahun kedua	80% dan ke atas	20%
e	Bilangan aduan yang disahkan	0	10%
f	Memenuhi jumlah jam Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)	20 jam	10%

[3] Tidak termasuk keadaan sebenar (iaitu had produk berbanding dengan keperluan khusus pelanggan, pelanggan yang mengutamakan ITO tertentu) yang menghalang penasihat kewangan yang diluluskan untuk membandingkan produk daripada sekurang-kurangnya tiga penyedia produk yang berbeza. Penasihat kewangan yang diluluskan hendaklah memberitahu dan menjelaskan had produk tersebut kepada pelanggan dengan sewajarnya serta mendapatkan persetujuan pelanggan sebelum meneruskan perbandingan dan saranan berdasarkan pilihan produk yang terbatas sebagaimana perenggan 12.2.

LAMPIRAN II

TEMPLAT UNTUK MENGEMUKAKAN LAPORAN BSC

Balanced Score Card (BSC) Implementation [Jan - Dec 20xx]
Financial Adviser Representatives (FAR)

Financial Adviser (FA):	
Total number of FARs:	
Data period:	~~Jan - Dec 20xx~~

Please fill in the boxes in yellow with the respective number of FARs that were able to meet or not meet with the BSC KPI threshold.

BSC KPIs		Weightage	Score	Actual Score		
				Not Met	Met	Total
KPI I	**Number of Suitable Product Options Provided to Meet Customer's Needs**	20%	Suitable products from at least three different product providers			
	No. of FARs					
	% by score					
KPI II	**Completion Rate of Customer Fact Finding (CFF) Option 1 and 2**	20%	80% and above			
	No. of FARs					
	% by score					
KPI III	**1st Year Persistency Ratio**	20%	90% and above			
	No. of FARs					
	% by score					
KPI IV	**2nd Year Persistency Ratio**	20%	80% and above			
	No. of FARs					
	% by score					
KPI V	**Number of Substantiated Complaints**	10%	0			
	No. of FARs					
	% by score					
KPI VI	**Meeting CPD Hours**	10%	20 hours			
	No. of FARs					
	% by score					

Amount (in RM) of BSC Commissions Payable

PERIOD	Total No. of FARs	UNDER-PERFORMERS (Not Met)			NORMAL PERFORMERS (Met)	
		No. of FARs	Total Amount of Commission Paid (RM)	Total Amount of Commission Saved (RM)	No. of FARs	Total Amount of Commission Paid (RM)
1 Jan 20xx - 31 Dec 20xx						

REMARKS